

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU PENYEDIAAN MAKANAN**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PELAKSANA  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 JANUARI 2013

<b>Gred</b>	<b>Peringkat</b>	<b>Gaji Minimum</b>		<b>Gaji Maksimum</b>
<b>Gred N17</b> :	P1	RM927.03	-	RM2,526.03
	P2	RM985.15	-	RM2,662.93
	P3	RM1,044.97	-	RM2,804.68
<b>Gred N22</b> :	P1	RM2,164.44	-	RM3,321.99
	P2	RM2,325.10	-	RM3,657.02
<b>Gred N26</b> :	P1	RM2,482.33	-	RM3,496.05
	P2	RM2,719.90	-	RM3,815.70

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan (keutamaan kepada calon yang lulus subjek Ekonomi Rumah Tangga peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17 : RM927.03);atau

(ii) Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang penyediaan makanan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17 : RM1,039.83);  
atau

(iii) sijil dalam bidang hotel dan catering daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17 : RM1,378.22);

dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Pembantu Penyediaan Makanan Gred N17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Pembantu Penyediaan Makanan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
5. Pembantu Penyediaan Makanan Gred N17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi atau kursus-kursus lain yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
6. Pembantu Penyediaan Makanan Gred N17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi atau kursus-kursus lain dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukankan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
8. Pembantu Penyediaan Makanan hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED N22**
9. Pembantu Penyediaan Makanan Gred N17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Penyediaan Makanan Gred N22 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED N26**
10. Pembantu Penyediaan Makanan Gred N22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Penyediaan Makanan Gred N26 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA LANTIKAN  
KE PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI  
PENYEDIAAN MAKANAN**

11. Pembantu Penyediaan Makanan Gred N26 yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan Gred C27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 2.7.2009 [Lampiran E - Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2009, JPA(BPO)(S)324/14/24 Klt.24(52)].